



**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BIL. 4 TAHUN 2004**

**PERATURAN PENANGGUNGAN KERJA BAGI
PEGAWAI DAN KAKITANGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

Ketua-ketua Bahagian
Ketua-ketua Unit
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah diperhatikan sejak akhir ini terdapat banyak perakuan penanggunan kerja pegawai dan kakitangan Kementerian dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) untuk kelulusan. Sebahagian daripada perakuan tersebut adalah melibatkan jawatan baru wujud. Perkara ini telah dibincangkan di Mesyuarat Mingguan Pengurusan Tertinggi KPLB pada 10 Mac 2004.

3. Sehubungan itu, adalah diputuskan perakuan kelulusan bayaran penanggunan kerja hendaklah memenuhi kriteria berikut:

3.1 Penanggunan kerja tidak digalakkan bagi jawatan baru wujud atau belum pernah diisi.

4. Bersama-sama ini dikembarkan Senarai Semak bagi kemudahan rujukan Y. Bhg. Dato'/tuan/puan seperti di Lampiran I.

5. Di atas kerjasama pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID)

Tarikh : 8 April 2004

s.k. Y. Bhg. Dato' TKSU(S)
Y. Bhg. Datin TKSU(E)
Y. Bhg. SUB Kanan (Khidmat Pengurusan)

LAMPIRAN I

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERAKUAN TANGGUNG KERJA

1. Senarai tugas jawatan yang hendak ditanggung kerja
2. Senarai tugas pegawai yang diperakukan.
3. Carta Organisasi Bahagian/Unit Berkenaan.
4. Surat arahan menanggung Kerja.
5. Bagi jawatan baru wujud dan belum pernah diisi;
 - a. Justifikasi kenapa perlu penanggung kerja;
 - b. Memperincikan 'beban tugas' jawatan baru wujud;
 - c. Memperincikan 'beban tugas' jawatan hakiki pegawai yang diperakukan; dan
 - d. Memperincikan 'beban tugas' jawatan lama (sekiranya jawatan tersebut telah dipecah dan diwujudkan tambahan jawatan baru).